

## DALAM NEGERI

# SIT bakal diperluas jelang 2020

UNIVERSITI baru, Institut Teknologi Singapura (SIT), bakal menawarkan 3,500 tempat bagi memenuhi permintaan pendidikan universiti menjelang 2020.

Jumlah tersebut lebih ganda tinggi daripada memasuki sekarang, iaitu 1,500 tempat.

Selain itu, SIT dijangka melancarkan program ijazah sarjana muda tersendiri menjelang 2015, antaranya dalam bidang pelayanan dan kejuruteraan logistik.

Ini diumumkan bakal presiden SIT, Profesor Tan Thiam Soon, menerusi uca-

pannya dalam majlis pecah tanah di Politeknik Nanyang (NYP) kelmarin.

Universiti tersebut, yang dibangunkan supaya lulusan politeknik dapat melanjutkan pelajaran, mungkin akan mencari tapak lebih besar bagi menempatkan kampusnya, ujar Profesor Tan.

SIT dijangka memiliki kampus sendiri di Dover pada 2015 yang kini menempatkan Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD) dan bekas ibu pejabat Institut Pendidikan Teknikal.

“Bangunan sekarang diilhamkan sewaktu kami



**MANFAAT PENDIDIKAN VARSITI:** Ini merupakan lakaran artis bagi kampus SIT di NYP yang bakal siap pada 2014. – Foto SIT

hanya mengambil 2,000 pelajar. Kini, kami perlukan ruang lebih bagi menampung tambahan 1,500 pelajar menjelang 2020.

“Teknik pengajaran SIT akan terus menekankan perhubungan antara alam kerja dengan pembelajaran. Ini akan menyemai pemikiran yang dahagakan ilmu sebelum dan sewaktu bekerja,” ujar Profesor Tan.

Kelmarin, SIT me-

ngadakan majlis pecah tanah melambangkan permulaan pembinaan kampus keempatnya di NYP yang dijangka siap pada 2014.

Kampus yang boleh memuatkan 900 siswa itu bakal menawarkan enam ijazah sarjana muda – antaranya bidang pemakanan, terapi, kejuruteraan dan kejururawatan – dari tiga universiti, iaitu Universiti Newcastle, Unit-

ed Kingdom (UK); Kolej Trinita Dublin, Ireland; dan Universiti Manchester, UK.

Buat sementara waktu, kuliah akan diadakan di bilik darjah yang sedia ada di NYP.

Ditubuhkan pada 2009, SIT diumumkan sebagai universiti awam kelima Singapura oleh Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, dalam Rapat Hari Kebangsaan tahun lalu.